

## **Ekonomi dalam keadaan baik**

### **Utusan Online**

**15 Mei, 2012**

**Oleh YULPISMAN ASLI**

KOTA BHARU 14 Mei - Ekonomi negara berada dalam keadaan baik berikutan kebijaksanaan kerajaan yang sudah membuat persediaan awal dengan tidak lagi bergantung kepada mana-mana pihak untuk memastikan kemakmuran negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, zaman Malaysia hanya bergantung kepada eksport komoditi seperti getah, kelapa sawit dan bijih kepada negara maju sudah berlalu apabila kini menjadi negara industri dan mempelbagaikan ekonomi.

Keadaan itu katanya, membolehkan ekonomi negara tidak menerima kesan langsung sekiranya berlaku kejatuhan harga bahan komoditi dan kemerosotan ekonomi negara terbabit khususnya Amerika Syarikat dan Eropah.

"Kita juga sudah tidak lagi bergantung kepada Amerika Syarikat atau Eropah, hanya 18 peratus daripada eksport kita (ke negara berkenaan), yang lain ke negara membangun seperti China, India dan negara Arab yang pertumbuhan ekonomi mereka lebih tujuh peratus.

"Selagi ekonomi negara-negara ini dapat menjana pertumbuhan ekonomi yang tinggi iaitu pada kadar tujuh peratus atau lebih, kita (Malaysia) dalam keadaan yang baik.

"Kita juga sudah mengambil keputusan untuk tidak terlalu bergantung kepada eksport, kita hendak pelbagaikan ekonomi dengan sektor domestik menjadi faktor utama penjana ekonomi kita," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau ditemui selepas menyampaikan surat tawaran biasiswa Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) kepada 37 pelajar dari Kelantan, Terengganu dan Pahang di sini.

Turut hadir, Ketua Eksekutif YPPB, Raja Azura Raja Mahayuddin; Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan, Datuk Makhtar Mustapha dan Ketua Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Tajuddin Atan.

Mengulas lanjut, Nor Mohamed berkata, di sebalik kelembapan ekonomi dunia, pelaksanaan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) oleh kerajaan menyaksikan banyak projek bakal diwujudkan dengan menggunakan sumber domestik.

"Saya yakin dan percaya kita akan capai kadar pertumbuhan antara empat dan lima peratus, dan kalau kita berikhtiar dan bersungguh-sungguh, kita yakin dapat mencatatkan lima peratus kadar pertumbuhan ekonomi," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau memberitahu, kerajaan mempunyai sumber kewangan mencukupi untuk membiayai projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

"Kita ada cukup wang, hasil negara kita diurus dengan bijaksana, sehingga 2011 hasil kutipan cukai meningkat sebanyak RM26 bilion, kita mempunyai begitu banyak tabung dan

peruntukan untuk bukan sahaja projek-projek yang perlu, tapi untuk memastikan rakyat tidak terjejas dengan kenaikan harga dan lain-lain dengan memberi subsidi," jelasnya.

Nor Mohamed pada masa sama turut menasihatkan individu tertentu termasuk pemimpin pembangkang yang suka memburukkan imej negara di luar, mencontohi sikap pemimpin politik di Amerika Syarikat, Eropah dan United Kingdom yang bersikap matang serta tidak pernah memburukkan negara sendiri di tempat lain.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0515&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0515&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_05.htm)